



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (24 NOVEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Kuching, Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,056 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu**

##### **1. Daerah Kuching (1 Kes Baharu Jangkitan Tempatan)**

##### **a) Kes Saringan Individu Bergejala (1 Kes Baharu)**

**Kes 1,056** merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan saringan COVID-19 kerana mengalami batuk, demam, pening kepala dan hilang deria bau. Kes membuat saringan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 23 November 2020 dan didapati positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes bekerja di sebuah pusat membeli belah di Bandaraya Kuching sebagai agen jualan peralatan komunikasi. Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau mengunjungi kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di luar Sarawak. Kes juga tidak mempunyai kontak secara langsung kepada mana-mana kes positif COVID-19 yang telah dikenal pasti dan dilaporkan sebelum ini.

Kes ini mula mengalami tanda dan gejala jangkitan COVID-19 pada 10 November 2020. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan aktiviti pengesanan semua kontak rapat serumah, di tempat kerja dan kontak sosial kes ini sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan**. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak seperti berikut:

### **i) Kluster Besi, Kuching**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

### **ii) Kluster Jalan Abell, Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.

**iii) Kluster Baki, Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

**iv) Kluster Seladah, Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

**v) Kluster Greenhill, Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.

**vi) Kluster Wisma Saberkas, Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa terdapat **sepuluh (10)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Sebanyak lapan (8) kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak dan dua (2) kes dari Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **992** orang atau **93.94%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **45** orang iaitu:

- 41 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- Empat (4) kes di Hospital Miri.

Hari ini, **terdapat 25 PUI** baru telah dilaporkan dan **Dua (2)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching kekal berstatus Merah dengan jumlah keseluruhan seramai **50** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri dan Lawas juga kekal berstatus Kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah kekal dengan satu (1) buah daerah, dua (2) berstatus Kuning dan 37 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-22 NOVEMBER 2020)**

Hari ini **sebanyak 6,538 jumlah kenderaan** diperiksa semasa PKPB di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah kumulatif kenderaan diperiksa sebanyak **108,544**. Manakala **tiada kenderaan** di arah berpatah balik hari ini. Jumlah keseluruhan kenderaan yang di arah berpatah balik mulai 9 November 2020 kekal sebanyak **613 buah** kenderaan.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **lima (5) notis kompaun** di Daerah-daerah Kuching (2), Sarikei (1), Simunjan (1) dan Betong (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan notis amaran lisan dan bertulis sebanyak **126 notis** di bawah seliaan DBKU (28), MPP (27), MBKS (24), SMC (20), MD Marudi (19), MD Serian (4), BDA (3), dan MD Sarikei (1).

### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,340 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (129), Restoran (296), Kilang (15), Bank (87), Pejabat Kerajaan (19), Penjaja (125), Pasar Tani/Awam (76), Tempat Ibadah (57), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (484).

Seramai **589 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (285), ATM (40), RELA (129), APM (77), PBT (55) dan KKM (3).

## **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,444** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**24 NOVEMBER 2020**  
**5.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Previous Cases	1055	Total Cases still in ward	45	4.26%
New Cases	1	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	176,492	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1056	Total Death Cases	19	1.80%
IR per 100,000 population	34.23	Recovered and discharged cases	992	93.94%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	23	9,539	25	10,597
Pending Result	1	2		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	41	0	0	4	0	45
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	8	0	0	2	10
	Cummulative	828	41	49	72	992
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

**DAERAH MERAH (1)**

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	23	7,087	1	707	8	655	0	12	40	52	50
<b>Jumlah</b>		<b>23</b>	<b>7,087</b>	<b>1</b>	<b>707</b>	<b>8</b>	<b>655</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>40</b>	<b>52</b>	<b>50</b>

**DAERAH KUNING (2)**

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	28	0	10	1	8	0	0	2	2	1
2	Miri	0	911	0	58	1	54	0	1	3	4	3
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>939</b>	<b>0</b>	<b>68</b>	<b>2</b>	<b>62</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>4</b>

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (37)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
2	Limbang	0	33	0	11	0	10	0	1	0	0	0
3	Samarahan	0	592	0	116	0	112	0	4	0	1	0
4	Bintulu	2	324	0	49	0	49	0	0	0	0	0
5	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
6	Sibu	0	122	0	17	0	17	0	0	0	0	0
7	Serian	0	326	0	25	0	25	0	0	0	0	0
8	Bau	0	183	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	65	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
14	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>2,571</b>	<b>0</b>	<b>281</b>	<b>0</b>	<b>275</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>25</b>	<b>10,597</b>	<b>1</b>	<b>1,056</b>	<b>10</b>	<b>992</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>45</b>	<b>59</b>	<b>54</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **434 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **33 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,394 orang**. Manakala seramai **33,382 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 24.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,939)	Hock Lee	98
2		Grand Dormani	64
3		Kuching Park	54
4		Pullman	376
5		Hilton	238
6		Harbour View	169
7		Riverside (Astana Wing)	236
8		Imperial Boulevard	328
9		Tune Hotel	80
10		Dormani Hotel	25
11		Grand Continental	119
12		Meritin	53
13		Longhouse	39
14		Abell	60
15	Miri (725)	Mega Hotel	116
16		Imperial Palace	173
17		Eastwood Valley	79
18		Meritz	162
19		Miri	33
20		Dynasty	128
21		Citi Hotel	34
22	Bintulu (201)	Wasan Inn	22
23		Fairfield by Marriot	106
24		Kidurong Inn	27
25		Motel Kapok	44
26		Faber Inn	0
27		AA Inn	2
28	Limbang (310)	Purnama	180
29		Seri Malaysia (Lawas)	107
30		Mandarin (Lawas)	23
31	Sibu (127)	Premier	127
32	Samarahan (92)	INFRA	59
33		Kolej Rafflesia, UNIMAS	33
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,394</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **5 lokasi di Miri (2), Limbang (2) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,004 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 24.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>671</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>392</b>
3	Sibu	TIADA	189
4	Samarahan	TIADA	132
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
<b>7</b>	<b>Limbang</b>	<b>2</b>	<b>94</b>
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,004</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **44 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 24.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MPKS	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibu	9
6	BDA	6
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>44</b>